

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(B)49**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB KUMARAN KRISHNAN**

49. Apakah peranan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu menyelesaikan isu dua projek Rumah MutiaraKu (RMKu), iaitu Projek RMKu A Sri Bayu dan Projek RMKu C3 Quinton melibatkan lebih 600 pemilik yang tergendala di Daerah Barat Baya?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

49. Berdasarkan data terkini daripada sistem Transforming & Empowering Data Usage In Housing (TEDUH) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat dua (2) projek perumahan yang dikategorikan sebagai projek sakit di kawasan Titi Teras dan Sungai Pinang. Projek-projek tersebut ialah Pangsapuri Quinton dan Pangsapuri Sri Bayu, yang dibangunkan oleh Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd. Kedua-dua projek ini mengalami kelewatan melebihi 30% daripada jadual asal atau telah melampaui tempoh Perjanjian Jual Beli (PJB). Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri

sedang mengambil langkah pemulihan dan pemantauan berterusan bagi memastikan kemajuan pembinaan dapat dipertingkat serta penyediaan projek dapat dicapai mengikut sasaran.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin terhadap kebajikan rakyat, telah mengambil langkah proaktif dengan melantik rakan pembiayaan bagi melaksanakan kerja-kerja pemulihan projek-projek berkenaan supaya kepentingan pembeli terus terpelihara.

Sehingga kini, kemajuan fizikal bagi Pangsapuri Quinton telah mencapai 71.11%, manakala Pangsapuri Sri Bayu telah mencapai 89.7%. Garis masa baharu bagi kedua-dua projek ini sedang diselaraskan bersama pihak pelikuidasi bagi pihak pemaju, serta Rakan Pembiayaan yang berkaitan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri. Sasaran terkini adalah untuk menyiapkan kedua-dua projek berkenaan sepenuhnya dan memperoleh Sijil Penyiapan Kerja (*Certificate of Practical Completion-CPC*) pada sukuan keempat tahun 2026, tertakluk

kepada kelulusan pelan tindakan pemulihan serta kelancaran pelaksanaan kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan.

Sebagai bentuk keprihatinan, bertindak selaku EXCO Perumahan sendiri turun padang bersama pasukan LPNPP pada 27 Mac 2025 untuk bertemu pembeli yang telah menunggu lebih tujuh tahun dan mendengar sendiri rungutan mereka yang masih menanggung potongan gaji bulanan untuk rumah yang belum siap. Walaupun isu ini tidak dibangkitkan oleh YB kawasan, inisiatif ini dilaksanakan demi melindungi hak dan kepentingan rakyat.

Dengan pelan pemulihan yang hampir dimuktamadkan, kerja pembinaan dijangka bermula Januari 2026 dan siap sepenuhnya Disember 2026. Ini merupakan kejayaan besar hasil keprihatinan dan ketegasan Kerajaan Negeri melalui Exco Perumahan dan LPNPP yang komited memastikan rakyat menerima rumah yang dijanjikan.